

Tarian Kebudayaan Negeri Sembilan: Tarian Piring dan Tarian Lilin

Azril Ashraf Yusrida
Muhamad Adib Mohd Razif
Ryanold S.R. Rosidi
Nurussobah Hussin
Wan Satirah Wan Mohd Saman

**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Artikel ini adalah berdasarkan kepada sumber utama iaitu dokumentasi lisan dengan menggunakan pendekatan sesi temubual bersama Dato Alias bin Haji Zakaria. Dato Alias merupakan tokoh dalam Tarian Kebudayaan terutamanya tarian-tarian di Negeri Sembilan seperti tarian lilin dan tarian piring. Artikel ini membincarakan tentang asal-usul tarian tersebut dan lengkok pergerakan, kostum serta muzik yang digunakan. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk memastikan generasi muda tidak melupakan tarian-tarian tradisional yang ada di Negeri Sembilan. Mengikut Dato Alias, tarian kebudayaan semakin kurang diajar dan dipupuk di kalangan golongan muda. Dengan adanya artikel ini, diharapkan tarian-tarian yang wujud di Negeri Sembilan dapat diketengahkan semula dan diingati oleh generasi masakini.

Kata Kunci: Tarian Piring, Tarian Lilin, Muzik, Kostum, Pergerakan badan

Pengenalan

Tarian Kebudayaan Negeri Sembilan mempunyai banyak jenis dan setiap tarian tersebut mempunyai keunikan tersendiri. Antara tarian yang ada dan masih terkenal di Negeri Sembilan ialah Tarian Piring dan Tarian Lilin. Setiap tarian ini mempunyai cara dan keunikan tersendiri yang telah dicipta dan diubah oleh individu yang terlibat di dalam bidang ini.

“Tari piring merupakan salah satu tarian khas Indonesia yang sangat unik karena saat menarikannya para penarinya akan membawa piring di kedua tangan” (Pasbana.com, 2018). Perenggan diatas telah terbukti bahawa kebanyakkan tarian yang ada di Negeri Sembilan adalah berasal daripada Negara luar iaitu Sumatera Barat, Indonesia. Tarian piring adalah salah satu tarian yang berasal

daripada Indonesia dan dibawah ke Malaysia untuk dipersembahkan dan juga sebagai hiburan pada zaman ini. Disebabkan ini, banyak individu telah cuba menukar cara dan gerakan tarian piring untuk mengelak daripada terikut dengan tarian dari Indonesia. Salah satu daripada langkah tari yang dicipta oleh rakyat Malaysia ialah seperti melambung piring ke penari.

Selain tarian piring, tarian lilin juga adalah berasal dari Sumatera Barat, Indonesia dan direkacipta oleh kaum Minangkabau yang seterusnya telah membawa tarian tersebut ke Negeri Sembilan. Sejak itu, tarian piring selalu dipersembahkan oleh rakyat Negeri Sembilan sebagai hiburan. Setiap tarian mempunyai kisah dan asal usulnya yang tersendiri yang menarik untuk dikaji dan difahami.

Tarian piring



Gambar 1: Tarian Piring

Tarian piring merupakan tarian yang berasal daripada adat khas suku kaum Minangkabau yang sudah terkenal di serata dunia. Tarian piring dipercayai telah wujud sejak abad ke-12 masih dan juga lahirnya kebudayaan asli masyarakat Minangkabau. Dahulu, tarian ini merupakan tarian persembahan bagi para dewa. Untuk pengetahuan, sebelum masuknya agama Islam, masyarakat Minangkabau majoritinya memeluk agama hindu, buddha dan sebagainya.

Selepas Islam berkembang pada abad ke-14, secara tidak lansungnya telah menjaskan perkembangan tarian piring. Semenjak ajaran

Islam mulai dianuti oleh masyarakat, matlamat tarian piring ditarikan juga turut berubah. Hari ini, tarian piring bukan lagi dipersembahkan untuk tujuan memuja para dewa tetapi tarian piring dipersembahkan hanya sebagai tontonan bagi masyarakat agar tarian tersebut tidak dilupai. Tarian piring dipertunjukkan setiap kali adanya acara atau majlis-majlis tertentu.

Alat Muzik Tarian Piring



Gambar 2: Alat Muzik Gong

Alat muzik seperti gong adalah memandai untuk mengiringi persembahan tarian piring. Selalunya gong digunakan untuk mengalunkan irama lagu yang tertentu supaya para penari dapat mempersembahkan tarian piring dengan lebih mudah dan baik dengan mengikuti rentak alunan gong yang dialunkan. Sebagai makluman, alat muzik tersebut dicipta dari Sumatera Barat.



Gambar 3: Alat Muzik Rebana

Alat di gambarajah 3 ini selalu dimainkan ketika tarian piring dipersembahkan. Fungsi alat ini adalah untuk membantu para penari

mengikuti rentak muzik yang dialunkan agar persembahan itu teratur dan mempunyai pergerakan yang sama di kalangan penari yang berada di pentas. Alat muzik ini boleh diperolehi di Malaysia tetapi hanya ditempat-tempat tertentu. Menurut kajian, kebanyakkan alat-alat muzik tarian piring selalu dibeli di Indonesia kerana harga yang murah dengan kualiti yang baik.

Pakaian Tarian Piring



Gambar 4: Pakaian Tarian Piring

Pakaian yang selalu digunakan semasa menarikan tarian piring adalah seperti di gambarajah 4 dan adakalanya mengikut kesesuaian dan kreativiti kumpulan penari. Seperti gambar diatas pemakaian bagi lelaki dan perempuan untuk tarian piring adalah berbeza dan mempunyai setiap fungsinya yang tersendiri.

Untuk pemakaian wanita ketika persembahan tarian piring, mereka akan memakai perhiasan di kepala untuk menutupi rambut daripada terjurai dan mengganggu persembahan. Selain itu, wanita juga akan memakai baju berwarna kuning dan juga memakai sejenis baju nipis yang berwarna emas.

Di samping itu, untuk pemakaian lelaki semasa tarian piring adalah memandai dengan memakai baju melayu yang berwarna hitam dan juga

menghias kepala mereka dengan sejenis kain sebagai hiasan untuk meningkatkan lagi warna-warni ketika persembahan dilakukan.

Tarian lilin



Gambar 5: *Tarian Lilin*

Tarian lilin berasal dari daerah Minangkabau, Sumatera Barat. Tarian tradisional ini merupakan tarian yang berasal daripada istana pada zaman dahulu. Tarian ini dipersembahkan pada waktu malam di mana para penari yang terdiri daripada beberapa orang menari dengan memegang piring kecil dan di atas piring tersebut terletaknya sebatang lilin yang sedang menyala. Tarian ini agak sukar dilakukan dan juga mencabar kerana lilin tersebut mampu membahayakan penari. Tarian lilin selalunya diiringi dengan muzik yang dialunkan oleh sekumpulan pemain muzik. Selain itu, tarian lilin ini dilakukan dengan berhati-hati agar piring yang ada di tangan penari tidak terjatuh dan agar lilin yang dibawa tidak terpadam.

Pada zaman dahulu tarian lilin dipersembahkan sebagai tanda kesyukuran kepada dewi yang memberi hasil penternakan yang berlimpah. Ciri-ciri khas pada tarian ini adalah dengan menggunakan piring. Namun, pada zaman ini tarian lilin telah berubah tujuannya kepada tarian hiburan kepada masyarakat. Pada setiap gerakan tarian lilin, penari membawa sebatang lilin dan penari akan menarikkan tarian secara berkelompok dengan memusingkan piring yang terdapat lilin dengan cekap dan berhati-hati.

Peralatan Tarian Lilin

Terdapat beberapa peralatan yang digunakan oleh penari untuk mempersembahkan tarian lilin kepada masyarakat. Adalah dimaklumkan, tarian lilin melambangkan kelembutan dan keayuan si penari ketika tarian lilin ini dipersembahkan. Tarian lilin selalunya dipersembahkan oleh kaum wanita kerana kelembutan yang dipancarkan dengan adanya lilin yang dinyalakan api ketika menari. Gambar 6 dibawah adalah peralatan yang digunakan ketika persembahan tarian lilin.



Gambar 6: Peralatan Tarian Lilin

Gambar di atas menunjukkan peralatan yang digunakan untuk tarian lilin. Tarian lilin menggunakan tiga jenis peralatan iaitu piring, lilin dan juga cincin yang disarungkan di jari. Fungsi lilin tersebut adalah untuk menunjukkan ketelitian dan kelembutan penari ketika menari tarian lilin dengan memastikan api tidak terpadam. Selain itu, cincin disarungkan di jari adalah untuk mencipta irama dengan diketuk dibawah punggung piring tersebut sebagai irama ketika tarian lilin dipersembahkan (Damayanti, 2011).

Seterusnya, piring juga digunakan untuk meletakkan lilin. Untuk pengetahuan tarian lilin menyerupai tarian piring tetapi dengan beberapa penambahan dan pengubahsuaian, maka terciptanya tarian lilin. Tarian lilin lebih sukar untuk dipersembahkan daripada tarian piring kerana terdapatnya peralatan seperti lilin dan juga cincin.

Pakaian Tarian Lilin



Gambar 7: Pakaian Tari Lilin

Gambar diatas adalah contoh pemakaian yang betul ketika tarian lilin dipерsembahkan. Persembahan tarian lilin selalunya ditarikan oleh kaum wanita sahaja. Oleh itu, pemakaian tarian lilin hanya dapat dilihat untuk kaum wanita sahaja dan terdapat banyak aksesori yang diperlukan ketika tarian lilin dimainkan.

Pakaian tarian lilin untuk wanita mempunyai banyak aksesori yang perlu dipakai oleh penari. In adalah untuk menunjukkan dan menimbulkan daya tarikan terhadap tarian lilin tersebut. Mengikut sejarah tarian lilin, tarian ini mempunyai kisah tersendiri di mana seorang perempuan telah mencari cincin yang hilang yang diberikan oleh suaminya. Disebabkan itu cincin adalah salah satu peralatan yang wajib ada ketika tarian lilin dimainkan (Arya, 2016).

Aksesori yang dipakai oleh penari seperti selendang yang dibuat khas untuk tarian lilin dan juga pemakaian kain batik juga dipakai oleh wanita dibahagian pinggan ke bawah. Selain itu, aksesori di kepala adalah perhiasan seperti mahkota untuk menarik dan menjadikan tarian tersebut lebih berwarna-warni dan menghiburkan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, tarian yang ada di Negeri Sembilan adalah sangat menarik dan menghiburkan tetapi malangnya tarian tersebut bukan daripada negara Malaysia. Pihak yang bertanggungjawab mencuba

revolusikan tarian tersebut dengan mengubah cara pergerakan dan persesembahan tarian yang ada agar tarian tersebut tidak sama dengan negara yang lain.

Tarian seperti tarian lilin dan tarian piring adalah sangat unik dan menghiburkan kerana banyak ilmu dan pengetahuan yang dapat diperolehi daripada tarian tersebut seperti kisah bagaimana tarian itu tercipta dan juga pergerakannya yang membantu untuk melambangkan sesuatu seperti tarian lilin yang melambangkan kelembutan yang ada di dalam diri wanita.

Namun, tarian kebudayaan ini semakin pupus ditelan zaman. Kebanyakkan anak muda masa kini tidak berminat dan juga gentar untuk menceburji bidang ini kerana tentangan dari pelbagai pihak seperti ibu bapa dan juga kawan-kawan. Dengan adanya kajian ini, diharapkan agar tarian kebudayaan ini akan lebih dikenali oleh rakyat-rakyat di Malaysia dan dapat dipersembahkan kembali ketika majlis-majlis keramaian.

Bibliografi

Alias Zakaria (28 April 2018), Tarian Kebudayaan Negeri Sembilan.

Azril Ashraf Yusrida, Muhamad Adib Razif, Ryanold Rosidi,
Penemubual.

Arya. (2016, October 24). Sejarah Tari Lilin. Diakses dari
<https://sahabatnesia.com/tari-lilin-sumatera-barat/>

Chandra, L. (2016). Pengertian tari Indang. Diakses dari
<http://lussychandra.blogspot.com/2013/11/pengertian-tari-indang.html>

Damayanti, C. L. (2011, November 25). Celia lintang Damayanti Blog: Tari Piring. Diakses dari
<http://celialintangdamayanti.blogspot.com/2011/11/tari-piring.html>

Musik Pengiring Tari Piring. (2009, May 3). Diakses dari <http://tari-piring.blogspot.com/2009/05/musik-pengiring-tari-piring.html>

Sejarah Asal Usul Tari Piring serta Perkembangannya. (2016, October 22). Diakses dari <http://www.pasbana.com/2016/10/sejarah-asal-usul-tari-piring-serta.html>

Sejarah Tari Piring / Pengertian / Gerakan / Fungsi / Makna Tarian. (2017, September 27). Diakses dari <https://informazone.com/tari-piring/>